

Tingkatkan potensi lada hitam negara

LEMBAGA Lada Malaysia (MPB) menjalinkan kerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam usaha agensi itu menjadi peneraju pasaran lada hitam dunia pada masa depan.

Ketua Pengarahnya, **Datuk Grunsin Ayom** berkata, menerusi memorandum persefahaman (MoU) dan perjanjian yang ditandatangani, MPB akan mendapatkan kepakaran UKM bagi meningkatkan kefahaman dan penyelidikan dalam bidang agronomi, bioteknologi dan pembiakan lada hitam.

Katanya, selain itu, terdapat tiga perkara lain yang diberi penekanan menerusi kerjasama tersebut termasuk menyediakan peluang untuk warga MPB menyambung pengajian di UKM termasuk di peringkat doktor falsafah (PhD).

"Kerjasama ini juga akan menyaksikan UKM membantu MPB menjalankan program latihan khas dalam bidang penjenamaan dan pembangunan pasaran produk lada hitam.

"Selain itu, UKM juga akan terlibat membangunkan pelbagai jenis produk berasaskan lada hitam," katanya ketika

berucap pada majlis menandatangani MoU dan perjanjian dengan UKM di kampus universiti itu di Bangi baru-baru ini.

Dalam majlis itu, Grunsin mewakili MPB manakala UKM pula diwakili Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali.

Kerjasama itu melibatkan Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Farmasi dan Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina.

Yang turut hadir Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Aziah Mohd. Awal; Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat UKM, Prof. Datuk Dr. Imran Ho Abdullah; Timbalan Ketua Pengarah MPB, Philip Gaweng; Dekan FTSM, Prof. Dr. Abdullah Mohd. Zin dan Dekan FST, Prof. Dr. Sahrim Ahmad.

Sementara itu, Noor Azlan berkata, menerusi kerjasama ini, UKM akan membantu MPB membangunkan aplikasi 'Penasihatan Mudah Alih Bagi Tanaman Lada Hitam (m-Naslada)' yang akan membantu lebih 76,000 penanam lada

GRUNSIN AYOM (kiri) dan Dr. Noor Azlan Ghazali bertukar-tukar dokumen selepas menandatangani MoU dan MoA di UKM, Bangi baru-baru ini.

hitam terutama dari segi aspek pemasaran.

"Pembangunan aplikasi ini akan diketuai oleh Prof. Madya Dr. Noraidah Sahari bersama kumpulan penyelidik FTSM dan ia dilakukan menerusi dana penyelidikan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

"Ini merupakan bentuk pakatan strategik Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang baik untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan penyelidikan seperti yang disarankan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh baru-baru

ini," katanya.

Menurutnya, diharapkan menerusi kerjasama tersebut, industri lada hitam negara yang kini berada di kedudukan kelima sebagai pengeluar terbesar dunia mampu ditingkatkan pada masa depan.

